

B582

MAHATHIR - TENTERA

1981

KUALA LUMPUR, 16 SEPT. (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEKANKAN PERLUKANYA PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN PERTAHANAN YANG CEKAP DAN BERKESAN DI DALAM ANGKATAN TENTERA BAGI MENGELAKKAN PEMBAZIRAN.

PERDANA MENTERI MENAMBAH DENGAN PERHATIAN BERAT KERAJAAN TERHADAP PERTAHANAN DAN KESELAMATAN NEGARA SERTA PERUNTUKAN YANG BESAR YANG DIBERIKAN BAGI MEMPERKUAT DAN MEMPERBESARKAN ANGKATAN TENTERA PENGURUSAN YANG CEKAP ADALAH PERLU TERUTAMA DALAM SOAL MEMBELI PERALATAN DAN KELENGKAPAN TENTERA YANG MODEN DAN SOPHISTIKATED.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERTAHANAN MENEGASKAN DEMIKIAN KETIKA BERUCAP MERASMIKAN PEMBUKAAN MAKTAB PERTAHANAN ANGKATAN TENTERA DI SINI PETANG INI.

KATANYA PEGAWAI-PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM DAN TENTERA PERLU MEMAHAMI KEPERLUAN-KEPERLUAN DAN MASALAH Masing-Masing BAGI MEWUJUDKAN SIKAP POSITIF YANG MENENTUKAN KELICINAN PERLAKSANAAN PEMBANGUNAN ANGKATAN TENTERA.

MELALUI PERSEFAHAMAN ITU AKAN WUJUDLAH SIKAP BAHAWA MEREKA MELAKSANAKAN PEMBANGUNAN ITU BUKAN KERANA KEPENTINGAN Masing-Masing TETAPI KERANA KEPENTINGAN NEGARA, TAMBAHNYA. — BERSAMBUNG 1841/MK

B583

MAHATHIR - TENTERA 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA SEMUA PEGAWAI KERAJAAN, TERMASUK TENTERA, MESTILAH MEMPUNYAI PENGETAHUAN AM YANG LUAS DAN SENTIASA MENGIKUTI PERKEMBANGAN DI DALAM DAN LUAR NEGERI TERUTAMA MENGENAI PERGOLAKAN DI RANTAU INI SERTA MEMAHAMI IMPLIKASINYA TERHADAP NEGARA.

PENGETAHUAN SEUMPAMA ITU AMATLAH PENTING UNTUK MERANCANG DAN MELAKSANAKAN RANCANGAN-RANCANGAN PEMBANGUNAN PERTAHANAN DAN KESELAMATAN NEGARA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR ANGKATAN TENTERA AKAN TERUS BERUSAHA MENINGKATKAN LATIHAN PEGAWAI-PEGAWAI KANANNYA HINGGA KE PERINGKAT YANG LEBIH TINGGI DALAM BIDANG KETENTERAAN, PENGURUSAN DAN LAIN-LAIN.

BELIAU BERKATA ADALAH MENJADI HASRAT KERAJAAN UNTUK SENTIASA BERUSAHA MENINGKATKAN LAGI MUTU PROFESSIONALISMA SEMUA PERKHIDMATAN KERAJAAN, BAIK PERKHIDMATAN AWAM ATAU TENTERA DALAM MEMBANTU USAHA-USAHA PEMBANGUNAN NEGARA. — BERSAMBUNG 1845/MK

MAHATHIR - TENTERA 3 KUALA LUMPUR

PANGLIMA ANGKATAN TENTERA JENERAL TAN SRI GHAZALI DATUK SETH DALAM UCAPANNYA BERKAT MAKTAB ITU DIRANCANG SELARAS DENGAN PERKEMBANGAN ANGKATAN TENTERA DALAM TEMPOH ANTARA TAHUN 1979 DENGAN 1983.

KATANYA DALAM TEMPOH ITU SATU KOMPLEKS MENGANDUNGI MAKTAB TURUS ANGKATAN TENTERA, INSTUTUSI PERTAHANAN NEGARA DAN MUZIUM ANGKATAN TENTERA JUGA SEDANG DIBINA DI SAMPING KOMPLEKS TETAP MAKTAB PERTAHANAN ANGKATAN TENTERA DI TAMAN TEMPLOR.

TURUT HADIR DI MAJLIS ITU IALAH TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN ABANG ABU BAKAR BIN DATUK BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA DAN KETUA POLIS NEGARA TAN SRI HANIFF OMAR.

SELAIN DARI PANGLIMA-PANGLIMA TENTERA DARAT, LAUT DAN UDARA HADIR JUGA BEKAS-BEKAS KETUA TURUS ANGKATAN TENTERA YANG LALU JENERAL TAN SRI ABDUL HAMID BIDIN DAN JENERAL TAN SRI IBRAHIM ISMAIL. — BERNAMA 1848/MK